



Rujukan Kami : S/SPM/MS/425/07/21.
Tarikh : 15HB Julai 2021.

PERBADANAN PRODUKTIVITI MALAYSIA

Peti Surat 64,
Jalan Sultan,
46904 Petaling Jaya,
Selangor Darul Ehsan.

Tuan,

SEBUTHARGA BAGI KERJA-KERJA PERKHIDMATAN KAWALAN SERANGGA PEROSAK LIPAS, SEMUT, TIKUS, ANAI-ANAI, DAN NYAMUK.

Dengan hormatnya merujuk kepada perkara tersebut di atas, terlebih dahulu kami ingin mengucapkan ribuan terima kasih diatas peluang yang diberikan oleh pihak tuan untuk kami mengemukakan sebutharga bagi kerja tersebut.

Bersama-sama ini kami kemukakan cadangan dan sebutharga kami bagi kerja-kerja tersebut untuk perhatian serta pertimbangan pihak tuan selanjutnya.

PENGENALAN

SAFWAN PEST MANAGEMENT SDN. BHD. adalah sebuah syarikat yang pakar didalam pengawalan pelbagai jenis serangga / makhluk perosak. Selain daripada 'KEPUASAN PELANGGAN' perkhidmatan yang 'BERMUTU TINGGI' beserta dengan penggunaan bahan yang 'SELAMAT' dan 'MESRA ALAM' adalah menjadi matlamat utama syarikat kami.

Kakitangan syarikat kami adalah terdiri daripada mereka yang sangat berpengalaman didalam bidang perkhidmatan kawalan serangga. Setiap warga kerja SAFWAN PEST MANAGEMENT SDN. BHD. memiliki pengalaman lebih daripada 10 tahun didalam bidang ini dan Pengarah Syarikat iaitu En Mohd Ridzuan b. Pendek dan En. Mohamad b. Samsudin memiliki pengalaman lebih dari 18 tahun didalam bidang pengawalan serangga.

Kakitangan kami memiliki lesen Pengendali Racun Makhluk Perosak yang dikeluarkan Lembaga Racun Makhluk Perosak, Jabatan Pertanian Malaysia dan pengarah syarikat memiliki Lesen Fumigasi yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia.

TEKNIK RAWATAN DAN PERKHIDMATAN

Berikut ini kami berikan penerangan mengenai teknik-teknik rawatan yang akan dijalankan bagi mengawal serangga-serangga berikut :-

A. LIPAS

- a) Penyemburan bahan kimia bagi menghapuskan dan mencegah lipas akan dijalankan secara teliti dan menyeluruh pada kawasan ruang pejabat, bilik-bilik riser, tandas-tandas, bilik-bilik stor, kawasan kantin/kafeteria, kawasan ruang makan / ruang penyediaan makanan dan lain-lain kawasan pembiakan lipas.
- b) Umpan-umpan gel akan diletakkan di lokasi-lokasi yang bersesuaian dan strategik sekiranya perlu.
- c) Jika infestasi lipas pada sesuatu tempat adalah terlalu tinggi, semburan dengan menggunakan mesin U.L.V akan dijalankan (dengan kebenaran pihak tuan).

B. SEMUT

- a) Penyemburan bahan kimia bagi mengawal dan menghapuskan semut akan dijalankan secara teliti dan menyeluruh terutama pada tempat pembiakan semut seperti dikawasan pasu-pasu bunga, kawasan kaki lima bangunan, bilik-bilik riser dan keseluruhan kawasan ruang pejabat.
- b) Jika infestasi semut di sesuatu tempat terlalu tinggi maka semburan secara Ultra Low Volume (U.L.V) akan dijalankan. (dengan kebenaran pihak tuan)

C. TIKUS

- a) Umpan-umpan yang baru dan segar yang diletak di dalam kotak-kotak khas yang akan diletakkan dilokasi-lokasi yang sesuai dan strategik.
- b) 'Glue Board' (Papan Gam) atau perangkap tikus akan digunakan pada laluan-laluan tikus sekiranya perlu.
- c) Pihak kami juga akan mengambil tikus yang ditemui mati dalam tempoh 24 jam selepas dilaporkan dan rawatan semburan bahan kimia akan dijalankan untuk menghapuskan kuman dan menghilangkan bau.

D. NYAMUK

- a) Menjalankan pemeriksaan dan mengenalpasti lokasi dan punca pembiakan.
- a) Kawasan yang dikenalpasti sebagai punca pembiakan (air bertakung) semburan bahan kimia akan dijalankan untuk menghapuskan jentik-jentik.
- b) Semburan pengasapan (Fogging) akan dijalankan untuk menghapuskan nyamuk dewasa. Penyemburan akan dijalankan di kawasan dalam dan tempat – tempat yang sesuai dan strategik.
- c) Bahan kimia yang digunakan untuk fogging berjenama 'RESIGEN' dan bahan kimia untuk menghapuskan nyamuk dewasa.

E. ANAI-ANAI

- a) Teknik rawatan bagi mengawal serangga perosak ini dipanggil 'spot treatment' dan 'chemical treatment'
- b) Teknik ini memerlukan pemeriksaan yang teliti dan menyeluruh dikawasan-kawasan yang terlibat untuk mengesan anai-anai yang masih aktif.
- c) Jika ditemui laluan anai-anai aktif, sejenis racun serbuk akan disuntik kelaluan tersebut. Anai-anai yang lalu lalang di dalam laluan ini akan bertindak sebagai agen untuk membawa bahan ini kelaluan lain.
- d) Penyemburan bahan kimia bagi mencegah serangga anai-anai juga akan dijalankan disekitar kawasan yang dirawat. Semburan ini akan dijalankan selepas 5–7 hari selepas racun serbuk disuntik ke dalam laluan anai-anai tersebut.
- e) Teknit CST – Corrective Soil Treatment akan dijalankan jika serangga anai-anai TERLALU SERIUS. (kebenaran dari pihak tuan/puan perlu kerana kosnya berlainan)

SEBUTHARGA 1

PELANGGAN	: PERBADANAN PRODUKTIVITI MALAYSIA
SERANGGA KAWALAN	: LIPAS, SEMUT, TIKUS, DAN ANAI-ANAI
KEKERAPAN	: SEBULAN SEKALI PERKHIDMATAN
HARGA SEKALI PERKHIDMATAN	: RM 660.00
JUMLAH KESELURUHAN (SATU TAHUN)	: RM 7,920.00 (12 kali perkhidmatan (Satu Tahun))

SEBUTHARGA 2

PELANGGAN	: PERBADANAN PRODUKTIVITI MALAYSIA
SERANGGA KAWALAN	: KAWALAN SERANGGA NYAMUK
KEKERAPAN	: SEBULAN 2 KALI PERKHIDMATAN
HARGA SEKALI PERKHIDMATAN	: RM 275.00
JUMLAH KESELURUHAN (SATU TAHUN)	: RM 6,600.00 (24 kali perkhidmatan (Satu Tahun))



Kami berharap segala cadangan dan maklumat yang diberikan akan dapat memenuhi keperluan pihak tuan. Sekiranya pihak tuan mempunyai sebarang kemusykilan atau memerlukan sebarang maklumat tambahan berhubung perkara tersebut silalah menghubungi kami ditalian – 03 – 5882 4091 atau En. Mohd Ridzuan bin Pendek ditalian 012 – 205 2178.

Dengan segala pengalaman dan kemampuan yang ada, kami yakin SAFWAN PEST MANAGEMENT SDN. BHD. berupaya untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik dan memuaskan hati.

Pihak kami amat berbesar hati dan mengalu-alukan peluang dan kepercayaan yang diberikan oleh pihak tuan/puan. Bersama-sama kita menjalankan tanggungjawab demi kebersihan keselamatan harta-benda dan persekitaran yang lebih selamat dan selesa.

Salam hormat,
SAFWAN PEST MANAGEMENT SDN. BHD.


Mohd Ridzuan Bin Pendek.
Pengurus Besar

